

Jenis Akhbar : Sinar Online
Tarikh : 23/05/2017
Edisi / Muka Surat : www.sinatharian.com.my

Perlu timba pengalaman projek hartanah Angkasa



Noh Omar

SHAH ALAM - Pertubuhan koperasi yang terlibat dalam projek pembangunan hartanah perlu menimba lebih banyak pengalaman dan mendapatkan bimbingan daripada Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), kata Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Tan Sri Noh Omar .

Beliau berkata koperasi hartanah di bawah bimbingan Angkasa dilihat proaktif selain banyak memberi sumbangan dalam sektor hartanah di negara ini termasuk menyediakan kediaman untuk anggota koperasinya.

"Saya maklum bahawa banyak institusi koperasi di bawah bimbingan Angkasa terlibat secara aktif dalam projek pembangunan hartanah termasuklah projek 'Coop City' di Johor. Saya lihat pencapaian ini sangat memberangsangkan dan rakyat dilihat memberikan sokongan dan dokongan kepada projek hartanah koperasi ini," katanya ketika berucap di Konvensyen Hartanah Angkasa di sini, malam tadi.

Teks ucapan beliau dibacakan Timbalan Ketua Setiausaha KPKT Datuk Halimi Abd Manaf. Turut hadir, Presiden Angkasa Datuk Abdul Fattah Abdullah.

Angkasa, yang menaungi kira-kira 13,000 koperasi, turut mewujudkan Sektor Peneraju Hartanah bagi merencanakan lagi sektor pembangunan hartanah di negara ini dengan cara berkongsi idea dalam menjayakan projek hartanah yang dibangunkan oleh koperasi.

"Menerusi kewujudan Sektor Peneraju itu, KPKT melihat Angkasa telah mengambil tindakan bermakna dalam menerajui koperasi pembangunan hartanah. Secara langsung langkah ini dilihat sebagai usaha memperkasakan sektor hartanah di negara ini," katanya.

Sementara itu, Abdul Fattah menyarankan koperasi menyertai sektor hartanah yang disifatkan perniagaan berimpak tinggi di negara ini.

"Langkah ini akan memberi keuntungan yang lebih tinggi bukan sahaja kepada koperasi tetapi juga anggotanya," katanya. –Bernama